KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Utusan 21.1.2022/4

Paksa syarikat balak bayar ganti rugi

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mengenakan bayaran ganti rugi kerosakan banjir akibat pembalakan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan tersebut perlu dibuat bagi membantu mangsa yang terkesan akibat bencana tersebut.

"Kerajaan harus ada ketetapan paksa syarikat balak ganti rugi agar dapat membantu mangsa yang mengalami kerosakan akibat banjir.

"Kalau tidak, kita nampak lemah mengatasi golongan atasan, golongan kaya," katanya dalam sidang Dewan Rakyat semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, adalah tidak wajar kelonggaran diberikan untuk pencarum mengeluarkan wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara mudah.

Sebaliknya, Anwar berkata, kerajaan perlu menambah peruntukan bagi membantu mangsa yang terjejas akibat bencana banjir.

"Ada pihak mengatakan kita perlu berikan kelonggaran bagi pencarum mengambil wang mereka sendiri, dan ini telah kita lakukan. Tetapi kita tidak boleh memberi laluan mudah kerana wang ini yang sedikit itu untuk menjamin masa depan mereka dan ini kumpulan yang agak miskin.

"Jika ambil wang KWSP, pencarum tiada harapan untuk jamin keselamatan hidup mereka dan keluarga. Justeru kita kena pantau mereka ini dan harus beri bantuan tambahan supaya mengurangkan beban," katanya dalam persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Anwar dalam masa sama berkata, beliau juga tidak akan menyokong mana-mana idea yang boleh menjejaskan masa depan rakyat.

"Tetapi jika keputusan itu populis dan tidak memberi manfaat besar kepada masa depan keluarga ini, kita harus bersedia mengkaji semula," katanya.